

Merokok di kawasan larangan, dua pekerja restoran didenda RM1,000

BINTULU: Dua pekerja sebuah restoran didenda RM1,000 setiap seorang oleh Mahkamah Majistret Bintulu kelmarin kerana merokok di kawasan larangan.

Kedua-dua tertuduh mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Mohammad Fauzi Acho kerana merokok di kawasan larangan, iaitu kesalahan di bawah Seksyen 16(2) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang dibaca bersama Peraturan 3(4) Peraturan-Peraturan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Dilarang Merokok) 2024.

Mahkamah turut memerintahkan kedua-dua tertuduh dipenjarakan selama sebulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Menurut fakta kes, kejadian berlaku pada pertengahan Februari lalu semasa pegawai bertanggungjawab dari Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) Bintulu menjalankan operasi penguatkuasaan di sebuah premis makanan.

Dalam operasi itu, pegawai berkenaan telah memperkenalkan diri sebelum menunjukkan kad kuasa serta memaklumkan kepada kedua-dua pekerja restoran terbabit bahawa perbuatan merokok di kawasan larangan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024.

Siasatan lanjut kemudiannya dijalankan oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Sophia Shion yang membuka kertas siasatan sebelum kes didaftarkan di

Mahkamah Majistret Bintulu selepas kedua-dua tertuduh gagal menjelaskan kompaun yang dikeluarkan.

Pendakwaan dibuat setelah mendapat izin daripada Timbalan Pendakwa Raya Sarawak.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Trevor Hurtle dan Jeremy Suyong dari Seksyen Inspektorat dan Perundangan PKB Bintulu.

Semasa prosiding, pihak pendakwaan memohon hukuman berbentuk pencegahan dengan menegaskan bahawa perbuatan merokok di kawasan larangan bukan sahaja melanggar undang-undang, malah boleh menjejaskan kesihatan orang awam.

Menurut hujahan pendakwaan, asap rokok mengandungi hampir 4,000 bahan kimia berbahaya termasuk 53 bahan karsinogen yang boleh meningkatkan risiko kanser termasuk penyakit jantung dan strok.

Malah, individu yang tidak merokok termasuk perokok pasif serta mereka yang terdedah kepada sisa asap rokok pada permukaan turut berisiko mengalami pelbagai masalah kesihatan.

Pendakwaan turut memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan Program Klinik Berhenti Merokok (KBM) bagi membantu orang ramai yang ingin berhenti merokok, selain berharap hukuman dikenakan dapat menjadi pengajaran kepada masyarakat supaya mematuhi undang-undang dan memastikan premis makanan sentiasa bersih, selamat serta bebas daripada aktiviti merokok.